# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 10 OGOS 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | FISHERMEN GET RM1.1M TO BOOST EFFICIENCY, NEWS, NST -9<br>IN TROUBLED WATERs, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4<br>KAPAL MARITUM TOK BALI TANGKAP NELAYAN VIETNAM CEROBOH, CURI HASIL LAUT, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -25<br>DUA BOT NELAYAN VIETNAM GAGAL LOLOS, LOKAL, HM -8<br>OP KUDA LAUT TAHAN DUA BOT VIETNAM, DALAM NEGERI, UM -13<br>NELAYAN VIETNAM UPAH PENGINTIP, NEGARA, KOSMO -6<br>MARITIM TAHAN 31 NELAYAN ASING, NASIONAL, BH -17 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9.<br>10. | 104 JURUSUNTIK PERMANIAN BERADAS, NASIONAL, SH -12<br>HOTEL RAIA TERENGGANU, ME-O BANTU KUCING JALANAN, NEGARA, KOSMO -17<br>PRIHATIN NASIB KUCING JALANAN, DALAM NEGERI, UM -33 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 11.<br><br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18. | OVER 40,000 FISHERMEN CAN NOW ENJOY SOSCO BENEFITS, MALAY MAIL -ONLINE<br>42,000 NELAYAN MULA CARUM SKSPS, MUKA DUA, BH -2<br>LKIM JAGA NASIB NELAYAN, LOKAL, HM -16<br>PUAS HATI SKSPS JANJIKAN LEBIH MANFAAT, LOKAL, HM -16<br>42,000 TERAWAL MENCARUM SKSPS, LOKAL, HM -17<br>NELAYAN DIGALAK MENCARUM SKSPS, NASIONAL, SH -5<br>SKSPS BERI PERLINDUNGAN KESELURUHAN, NASIONAL, SH -5<br>NELAYAN SAMBUT BAIK SKSPS, NASIONAL, SH -5 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 19.<br>20. | KOREA BAGI IDEA TANAM TIMUN BABY, LOKAL, HM -10<br>TANAM 'TIMUN BABY' RAIH BELASAN RIBU RINGGIT, NASIONAL, BH -19 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | NST | NEWS | 9 |

# Fishermen get RM1.1m to boost efficiency

**JASIN:** The Agriculture and Food Industry Ministry has allocated RM1.17 million to implement the Economic Stimulus Package under the my Fisheries Community (myKP) programme to help fishermen in 13 areas nationwide. Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said the allocation would cover the purchase of fishing equipment, apparatus to lure fish to gather (fish shelter or fish houses) and cabins at the myKP Fisheries Transformation Centre. "We hope the contributions can increase fishing operations through controlled and organised management, which can save time and fuel for the fishermen," he said after launching the myKP fish shelter emplacement programme at the Umbai Fishermen Jetty here yesterday. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | THE SUN | NEWS WITHOUT BOARDERS | 4 |




**IN TROUBLED WATERS ...** Thirty-one Vietnamese fishermen in two vessels were detained by Malaysian Maritime Enforcement Agency personnel for encroaching into Malaysian waters off Terengganu yesterday. Their boats, fishing equipment and catch, worth some RM3 million, were confiscated. – ***BERNAMAPIX***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN | 25 |

# Kapal Maritim Tok Bali tangkap nelayan Vietnam ceroboh, curi hasil laut

**KUALA TERENGGANU** – Kapal Maritim (KM) Tok Bali memberkas tekong dan kru kapal melibatkan dua bot nelayan Vietnam kerana menceroboh serta mencuri hasil laut di perairan negara pada jarak 94 batu nautika dan 107 batu nautika dari muara Kuala Terengganu kelmarin.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, penahanan itu dilakukan menerusi Op Kuda Laut Siri I/2020 di perairan Terengganu sekitar jam 10 hingga 12 tengah hari oleh seramai 25 pegawai termasuk kru kapal tersebut.

"Keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan usaha tangkapan mengambil masa sehingga satu jam. Ketika ditahan nelayan terbabit dipercayai cuba melarikan diri untuk keluar dari perairan negara menuju ke perairan antarabangsa.

"Pemeriksaan lanjut ke atas dua bot yang dinaiki 31 kru termasuk tekong berusia 18 hingga 50 tahun itu turut menemui hasil tangkapan laut, bekalan diesel dan peralatan menangkap ikan dianggarkan keseluruhan berjumlah hampir RM3 juta," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Daerah Maritim 9 (DM9) di sini semalam.

Beliau berkata, kes itu akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tekong dan kru tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Bot-bot ini ditahan kerana tiada kebenaran melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan Malaysia dan kru tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah serta salah satu bot tiada nombor pendaftaran atau lesen.

"Kesemua tahanan dibawa menjalani proses saringan koronavirus (Covid-19) oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APMM untuk siasatan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sehingga kini sebanyak 27 buah bot nelayan asing melibatkan seramai 301 nelayan warga Vietnam berjaya ditahan menerusi operasi itu manakala 90 buah bot melibatkan lebih 900 nelayan Vietnam pula berjaya diusir daripada terus menceroboh perairan negara.

FOTO: NORHASPIDA YATIM



Seramai 31 awak-awak termasuk tekong berusia 18 hingga 50 tahun yang berada di dalam dua bot nelayan Vietnam turut ditahan dalam Op Kuda Laut Siri I/2020 di perairan Terengganu kelmarin.

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang akan merugikan negara serta memandang serius penglibatan nelayan tempatan yang bersekongkol dan menjadi tali barut nelayan asing," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/8/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |



SERAMAI 31 nelayan Vietnam ditahan APMM dalam cubaan lolos ke sempadan perairan antarabangsa. Gambar kecil, bot ditahan.

# Dua bot nelayan Vietnam gagal lolos

**Kuala Terengganu:** Cubaan dua bot nelayan Vietnam melarikan diri ke sempadan perairan antarabangsa dihalang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang mengambil masa sejam sebelum menahan bot itu, kelmarin.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, tangkapan terhadap dua bot terbabit dilakukan di lokasi 94 dan 107 batu nautika dari Kuala Terengganu itu antara jam 10 pagi hingga 12 tengah hari.

Katanya, berikutan itu pihaknya bertindak menahan 31 awak-awak dan tekong berusia antara 18 dan 50 tahun kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah.

"Nilai rampasan keseluruhan dua bot terbabit dianggarkan RM3 juta membabitkan hasil laut, bekalan diesel, peralatan menangkap ikan dan vesel.

"Yang menariknya, tangkapan menerusi Op Kuda Laut itu dilakukan Kapal Maritim (KM) Tok Bali yang baru diterima APMM pada 6 Julai lalu dan ini tangkapan pertama dilakukan kapal berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tekong dan kru tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri sah.

Katanya, bot ditahan kerana tiada kebenaran melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan Malaysia, malah satu daripada bot terbabit tidak memiliki nombor pendaftaran atau lesen.

"Keadaan cuaca tidak menentu dan laut bergelora serta ombak besar menyebabkan kami terpaksa mengambil masa lama untuk menahan bot terbabit.

"Semua tahanan dibawa menjalani proses saringan Covid-19 oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum kes diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut," katanya.

**Nilai rampasan dua bot terbabit dianggarkan RM3 juta**

Dalam pada itu, beliau berkata, sehingga kini sebanyak 27 bot nelayan asing membabitkan 301 nelayan warga Vietnam ditahan menerusi operasi itu manakala 90 bot membabitkan lebih 900 nelayan Vietnam pula diusir daripada terus menceroboh perairan negara.

KM Tok Bali dilengkapi peralatan canggih seperti pesawat tanpa pemandu, meriam, kamera infrared pemerhatian jarak jauh Sistem AIS atau Automatic Identification System, peralatan SAR seperti peralatan selam, peralatan pencegahan tumpahan minyak dan pelbagai peralatan.

Kapal peronda generasi baharu atau New Generation Patrol Craft (NGPC) yang baharu sahaja diterima APMM bersama KM Kota Kinabalu itu kapal buatan Malaysia yang dibina di Pelabuhan Klang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Op Kuda Laut tahan dua bot Vietnam

**KUALA TERENGGANU:** Aset baharu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Kapal Maritim (KM) Tok Bali mematahkan pencerobohan dua bot nelayan Vietnam di perairan Tengganu kelmarin.

Kedua-dua bot berkenaan ditahan berasingan kira-kira pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari pada jarak 94 hingga 107 batu nautika dari muara Kuala Terengganu semasa kapal peronda itu terlibat dalam Op Kuda Laut Siri 1/2020.

Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, pihaknya menahan 31 kru termasuk tekong berumur 18 hingga 50 tahun selain merampas 1.5 tan hasil laut dan 2,000 liter diesel.

Keseluruhan rampasan itu dianggarkan bernilai RM3 juta.

Menurut beliau, pemeriksaan mendapati kedua-dua bot tersebut tiada kebenaran menangkap ikan di perairan negara selain kru tiada dokumen pengenalan sah.

"Kita percaya kedua-dua bot ini sudah sebulan berada di perairan Terengganu," katanya pada sidang akhbar di pejabat Maritim Malaysia Terengganu di sini semalam.

Muhammad Suffi berkata, kesemua tahanan dibawa ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia di sini bagi menjalani ujian Covid-19 dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

Kata beliau, sepanjang Op Kuda Laut sebanyak 27 bot nelayan Vietnam diperiksa dengan 301 kru dan tekong ditahan.




**SERAMAI 31 nelayan Vietnam yang ditahan Maritim Malaysia dalam rondaan Op Kuda Laut Siri 1/2020 di perairan Terengganu, kelmarin.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | KOSMO | NEGARA | 6 |



**SEBAHAGIAN daripada 31 nelayan Vietnam yang ditahan APMM di Kuala Terengganu Jumaat lalu.**

# Nelayan Vietnam upah pengintip

**KUALA TERENGGANU** – Siasatan yang dilakukan oleh Maritim Malaysia (APMM) mendapati terdapat kemungkinan awak-awak Vietnam yang bekerja dengan nelayan tempatan menyalurkan maklumat kepada rakan mereka untuk menceroboh perairan negara.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Sufi Mohd. Ramli berkata, terdapat segelintir awak-awak warga Vietnam menjadi mata dan telinga kepada rakan senegaranya dalam aktiviti penangkapan hasil laut secara haram di negara ini.

"Bot nelayan Vietnam akan mendapat maklumat berhubung penguatkuasaan APMM daripada rakan mereka yang diupah sebagai awak-awak bot nelayan tempatan.

"Ia salah satu sebab kes pencerobohan nelayan Vietnam sukar dibanteras sepenuhnya walaupun banyak tangkapan telah dilakukan APMM," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Maritim Terengganu di sini semalam.

Muhammad Sufi berkata, pihaknya juga telah mengambil inisiatif menghebahkan berita tangkapan nelayan negara jiran itu dalam bahasa Vietnam, namun setakat ini masih belum membuahkan hasil.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, APMM telah menahan 27 bot nelayan Vietnam melibatkan 301 tekong dan awak-awak di perairan Terengganu sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) hampir sebulan lalu.

"Ia termasuk dalam kes terbaru, APMM berjaya menahan dua bot nelayan Vietnam pada kedudukan 174 dan 198 kilometer dari muara Sungai Terengganu pada pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari, 7 Ogos lalu.

"Seramai 31 nelayan termasuk seorang tekong berusia 18 hingga 50 tahun telah ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1963," katanya.

Muhammad Sufi berkata, APPM juga merampas 1.5 tan ikan, 2,000 liter diesel, peralatan menangkap ikan dan bot yang dianggarkan bernilai RM3 juta.

Ujar beliau, dua bot nelayan Vietnam terbabit ditahan kapal peronda generasi baharu, Kapal Maritim (KM) Tok Bali yang baru memulakan operasinya pada 6 Julai lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/8/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Maritim tahan 31 nelayan asing

## Dua bot cuba lari ke sempadan antarabangsa turut dirampas

Oleh Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan 31 nelayan warga asing dan merampas dua bot serta hasil laut dianggarkan bernilai RM3 juta, semalam.

Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli, berkata kedua-dua bot itu ditahan di perairan 94 dan 107 batu nautika, antara jam 10 pagi hingga jam 12 tengah hari.

Beliau berkata, pihaknya mengambil masa satu jam sebelum menahan bot terbabit yang cuba lari ke sempadan perairan antarabangsa.

Berikutan itu, katanya, pihaknya menahan 31 awak-awak dan tekong berusia antara 18 hingga 50 tahun kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Apa yang menarik, kejayaan menerusi Op Kuda Laut ini dilakukan Kapal Maritim (KM) Tok Bali yang baru diterima pada 6 Julai lalu. Ini penahanan pertama dilakukan kapal berkenaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Muhammad Suffi berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tekong serta kru tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Katanya, bot ditahan kerana tiada kebenaran melakukan aktiviti penangkapan ikan di perairan Malaysia, malah satu daripada bot terbabit tidak memiliki nombor pendaftaran atau lesen.

Beliau berkata, keadaan cuaca tidak menentu dan laut bergelora serta ombak besar menyebabkan pihaknya terpaksa mengambil masa lama untuk menahan bot terbabit.

"Semua tahanan dibawa menjalani proses saringan COVID-19 oleh petugas ?ementerian Kesihatan Malaysia sebelum kes diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut," katanya.




**31 nelayan asing cuba lari** ke sempadan antarabangsa berjaya ditahan, semalam. (Foto BERNAMA)

Sementara itu, beliau berkata, sehingga kini 27 bot nelayan asing membabitkan 301 nelayan warga Vietnam ditahan menerusi operasi itu, manakala 90 bot membabitkan lebih 900 nelayan Vietnam pula diusir daripada terus menceroboh perairan negara.

"Maritim Malaysia akan terus melaksanakan rondaan di sempadan negara bagi mengekang pencerobohan nelayan asing yang tidak serik mencuri hasil laut.

"Kita juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang akan merugikan negara serta memandang serius pembabitan nelayan tempatan bersekongkol dan menjadi tali barut nelayan asing," katanya.

KM Tok Bali dilengkapi peralatan canggih seperti pesawat tanpa pemandu, meriam, kamera infrared pemerhatian jarak jauh, Sistem Pengenalan Automatik (AIS), peralatan mencari dan menyelamat (SAR) seperti selam, peralatan pencegahan tumpahan minyak serta pelbagai peralatan terkini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# 104 jurusuntik permanian beradas

Terima tauliah beri khidmat permanian beradas lembu pedaging di Malaysia

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

**KOTA BHARU**



Che Abdullah (tengah) melihat lembu baka Limousin seberat 500 kilogram yang dipelihara Azhar (kiri) di ladangnya dekat Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi tauliah kepada seramai 104 jurusuntik permanian beradas bagi induk lembu 'sado' di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, usaha permanian berhadas melibatkan lembu daripada baka terpilih seperti Charolais, Limousin, Belgium Blue dan Bali.

Menurutnya, langkah melahirkan jurusuntik permanian beradas berkemahiran itu bertujuan meningkatkan kualiti dan hasil penternakan lembu 'sado' serta membantu perkembangan industri ternakan lembu pedaging di Malaysia.

"Jurusuntik terdiri daripada kakitangan kerajaan, pekerja swasta dan penternak yang berkebolehan mengesan tempoh lembu mengawan serta mengetahui selok-belok mengendalikan haiwan ternakan tersebut.

"Mereka ditauliahkan selepas diberi kursus, latihan dan khidmat nasihat kepakaran berkaitan proses menyuntik benih ke induk betina," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja ke projek penternakan ruminan milik Azhar Che Abdullah, 49, di Selinak Farm dekat Pengkalan Chepa di sini semalam.

Che Abdullah berkata, daripada keseluruhan jumlah itu, Kelantan merekodkan bilangan jurusuntik paling ramai iaitu 65 individu termasuk seorang penternak wanita.

Menurutnya, mereka akan menjalankan perkhidmatan permanian beradas ke atas 19,000 induk lembu pedaging di Kelantan, manakala JPV menyediakan bantuan peralatan proses, hormon pembiakan dan benih ternakan.

"Permintaan proses suntikan permanian beradas daripada penternak meningkat setiap tahun dan kemajuan ini dijangka menyumbang kepada pertambahan lembu kacukan berkualiti sehingga 30,000 lembu 'sado' dalam tempoh 10 tahun akan datang," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, beliau mahu penternak meningkatkan manfaat sistem penternakan integrasi iaitu gabungan aktiviti penternakan bersama penanaman tanaman utama seperti kelapa sawit, getah, kelapa, koko atau buah-buahan.

"Ia dapat mengoptimumkan penggunaan tanah untuk teduhan dan ragutan serta sumber rumput sebagai makanan ternakan, meningkatkan pengeluaran daging ternakan dan pertambahan hasil pendapatan kepada penternak.

"Di Kelantan, sebanyak 283 ladang menggunakan sistem integrasi dengan jumlah 14,877 ternakan," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/8/2020 | KOSMO | NEGERI | 17 |

# Hotel Raia Terengganu, Me-O bantu kucing jalanan



DUA sukarelawan memberi makanan kepada kucing jalanan di Pasar Batu Enam, Kuala Nerus kelmarin.

**KUALA NERUS** – Nasib kucing jalanan di sekitar daerah ini mendapat pembelaan apabila haiwan tersebut diberi makan dan rawatan oleh pasukan khas yang ditubuhkan Hotel Raia Terengganu.

Wakil pasukan itu, Tina Surinda Abdul Karim berkata, pihaknya dengan kerjasama syarikat pengeluar produk makanan kucing, Me-O telah turun padang memberi makan kepada kucing-kucing jalanan tersebut.

Inisiatif itu dilakukan sempena Hari Kucing Sedunia yang disambut kelmarin.

"Kita cuba menjejaki kucing-kucing jalanan terutama di kawasan pasar di sekitar daerah ini. Selain memberi makanan kepada haiwan tersebut, kita juga melakukan rawatan segera ke atas kucing yang cedera dengan bantuan pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri.

"Usaha kecil ini bertujuan untuk menjaga kebajikan kucing-kucing jalanan yang tidak mempunyai penjaga sedangkan haiwan itu sebenarnya juga memerlukan perhatian," katanya ketika ditemui di Pasar Batu Enam di sini kelmarin.

Tina Surinda berkata, pihaknya berharap usaha pasukan tersebut dapat menjadi contoh kepada masyarakat bukan sahaja memberi makanan, malah tidak memperlakukan kucing secara ganas.

Beliau yang juga Pengurus Jualan Hotel Raia berkata, pihaknya sedih dan mengecam sikap segelintir individu yang mengasari kucing jalanan sehingga meragut nyawa haiwan kesayangan Nabi Muhammad seperti yang tular baru-baru ini.

Sementara itu, Duta Me-O Terengganu, Wan Mohd. Rizal Wan Mohd. Azlan berkata, pihaknya menyumbang sebanyak 35 kilogram makanan kucing untuk program kebajikan untuk diberikan kepada kucing-kucing jalanan.

"Kami teruja dapat bekerjasama dengan Hôtel Raia dalam projek ini dan mengalu-alukan kerjasama dengan mana-mana pihak bagi mengadakan program amal berkaitan kucing pada masa hadapan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Prihatin nasib kucing jalanan

NASIB kucing jalanan di Pasar Batu Enam, Kuala Nerus mendapat perhatian menerusi program amal inisiatif Raia Hotel & Convention Centre Terengganu (Raia Hotel) dan penaja produk makanan kucing, Me-O dan Jabatan Veterinar Terengganu.

Wakil Raia Hotel, Tina Surinda Abdul Karim berkata, program yang julung kali diadakan sempena sambutan Hari Kucing Sedunia itu bertujuan menjaga kebajikan kucing jalanan yang memerlukan perhatian orang ramai termasuk dari segi rawatan.

"Berdasarkan sambutan yang diterima kita berhasrat untuk meneruskan lagi program sama sekurang-kurangnya sekali lagi pada tahun ini," katanya ketika ditemui sempena program Amal Bantuan Makanan Kucing Jalanan semalam.

Dalam program itu, pihak Me-O turut menyumbang sebanyak 35 kilogram makanan kucing yang turut diagihkan kepada para peniaga di pasar tersebut.




■ KAKITANGAN Raia Hotel dan Me-O memberi makanan kepada kucing jalanan di Pasar Batu Enam, Kuala Nerus, Terengganu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

# Over 40,000 fishermen can now enjoy Socso benefits



Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Dr Ronald Kiandee answering media inquiries after officiating the Bukit Gantang Food Industry Mini Carnival 2020 in Bukit Gantang, August 9, 2020. — Bernama pic

BUKIT GANTANG, Aug 9 — A total of 42,000 fishermen including those who are working independently in the fisheries sector, would be allowed to make contributions to the Social Security Organisation (Socso) under the Self-Employment Social Security Act 2017.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said contributions under the Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS) was to replace the fishermen's group insurance contribution through the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM), beginning Aug 15 (Saturday).

"Today is a historical day, because for the first time, self-employed workers in the fisheries sector are allowed by the Socso Act to contribute to Socso.

"This will open access to insurance protection for fishermen, with contributions taken from their cost of living aid allowance," he told reporters after officiating the Bukit Gantang Food Industry Mini Carnival 2020 and launch of the Fishermen's Socso Contribution scheme at the Bunga Raya hall in Changkat Jering, here today.

He said the proposed contribution amount is RM157.20 per year for all fishermen registered with LKIM, and who were eligible for the cost of living aid allowance.

"The contribution amount will be debited directly through the Fishermen's Incentive Programme (FIP) system in stages. For the initial stage, the deduction will begin on Aug 15 involving 3,879 fishermen nationwide," he said.

Ronald was also confident that Socso would instate measures to extend insurance coverage to self-employed individuals in other agro-food industry sectors.

Meanwhile, Socso chief executive Datuk Seri Mohamed Azman Aziz Mohamed said the SKSPS would provide cash benefits to contributors, besides medical treatment, physical recovery and vocational training.

"Under the scheme, their dependents or heirs are eligible for Dependent Benefits if the contributors die due to occupational disaster.

"Education loans are also provided for the contributors' children if they die, or while they are receiving Permanent Disablement Benefit," he said. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/8/2020 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |


# 42,000 nelayan mula carum SKSPS

## Beri perlindungan pencarum, keluarga ganti insurans kelompok mulai Sabtu

**Taiping:** Seramai 42,000 nelayan bakal menerima manfaat perlindungan disediakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) apabila julung kalinya dibenar mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata kebenaran caruman bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) itu bagi menggantikan insurans nelayan kelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan akan mula dilaksanakan Sabtu ini.

"Hari ini (semalam) adalah hari yang bersejarah kerana untuk kali pertamanya, pekerja sendiri dalam sektor perikanan dibolehkan mencarum dalam PERKESO.

"Ini akan memberi perlindungan kepada nelayan (dan keluarga) dengan caruman akan diambil (dibayar) daripada elaun sara hidup nelayan," katanya kepada pemberita, semalam.

Terdahulu, beliau melancarkan Caruman PERKESO Nelayan dan merasmikan Mini Karnival Industri Makanan Bukit Gantang 2020 di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering di Bukit Gantang di sini.

Kiandee berkata, cadangan caruman adalah RM157.20 setahun bagi semua nelayan berdaftar dengan LKIM dan layak menerima Elaun Sara Hidup Nelayan.

"Potongan caruman ini akan dilaksanakan secara terus melalui Sistem Program Insentif Nelayan (FIP) secara berperingkat. Untuk peringkat permulaan, potongan bermula 15 Ogos ini membabitkan sejumlah 3,879 nelayan di seluruh negara," katanya.

Kiandee yakin PERKESO akan mengorak langkah memperluaskan perlindungan kepada mereka yang bekerja sendiri dalam sektor lain industri agromakanan.

Sementara itu, Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohamed Azman Aziz Mohamed, melalui kenyataannya berkata, kerjasama dengan LKIM bakal memberi manfaat perlindungan keselamatan sosial kepada nelayan dan berharap untuk memperluas perlindungan kepada sektor lain di bawah kementerian sama seperti pertanian dan penternakan.

"SKSPS menyediakan faedah tunai kepada pencarum di samping rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional. Di bawah skim ini, orang tanggungan atau waris mereka layak mendapat Faedah Orang Tanggungan jika pencarum meninggal dunia akibat bencana kerja.

"Pinjaman pendidikan juga disediakan kepada anak-anak pencarum sekiranya pencarum meninggal dunia atau semasa menerima Faedah Hilang Upaya Kekal berkala," katanya.

BERNAMA




**Kiandee (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen** *antara Dr Mohamed Azman (kanan) dengan Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latif pada majlis menandatangani memorandum persefahaman di Mini Karnival Industri Makanan Bukit Gantang 2020 di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering, semalam.* (Foto Sharul Hafiz Zam /BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

MINI KARNIVAL INDUSTRI MAKANAN BUKIT GANTANG

# LKIM JAGA NASIB NELAYAN

*Program turut galak produk industri makanan keluaran usahawan setempat*



PENGUNJUNG melawat gerai pameran yang disediakan.





RONALD (kanan) menyerahkan ikan kembung dijual secara lelong oleh LKIM kepada pengunjung di Mini Karnival Industri Makanan Bukit Gantang 2020 di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering, semalam.



Oleh Suliati Asri dan Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

**Bukit Gantang**

Program Mini Karnival Industri Makanan Bukit Gantang yang berlangsung di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering, semalam meriah dengan kehadiran 500 pengunjung terdiri daripada nelayan dan penduduk setempat.

Perasmiannya disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dengan beberapa aktiviti diatur bermula dari jam 8 pagi hingga 4 petang bertujuan memperkenal, mempromosi dan menggalakkan pasaran produk industri makanan keluaran usahawan setempat.

Beberapa aktiviti diatur sempena karnival itu termasuk gerai jualan oleh usahawan industri makanan, demonstrasi dan pertandingan memasak hasil laut, pameran jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Turut berlangsung pelancaran caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi nelayan berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang disempurnakan Ronald.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, sebagai permulaan 3,879 daripada 42,000 nelayan yang layak iaitu pemilik bot zon A dan awak-awak zon A,B,C dan C2 di seluruh negara mencarum skim berkenaan dengan nilai caruman dicadangkan RM157.20 setahun.

Katanya, pelaksanaan SKSPS itu menggantikan caruman Insurans Nelayan Berkelompok LKIM, khusus bagi semua nelayan yang layak iaitu mereka yang menerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) melalui potongan secara terus melalui Sistem Program Insentif Nelayan (FIP).

Beliau berkata, ia pendekatan baharu LKIM menjaga kebajikan dan kesejahteraan nelayan, selain menyeru pemilik bot kategori zon tangkapan B, C, dan C2 turut membuat caruman sendiri dengan SKSPS yang bakal memberi manfaat jangka panjang.

"Dari segi manfaat sudah tentu SKSPS menyediakan perlindungan lebih komprehensif berbanding syarikat insuran swasta yang lebih berpaksikan keuntungan. Jadi kita mahu galakkan semua nelayan bukan dari kategori seperti di atas membuat caruman sendiri dengan skim itu. Tiada had umur pencarum skim ini.

"Pelancaran skim SKSPS nelayan sempena karnival ini bertujuan memberi pendedahan kepada agensi lain khususnya di bawah MAFI mengenai manfaat skim ini supaya ia dapat diperluas kepada golongan selain dari nelayan termasuk petani, peladang, penternak, dan sebagainya," katanya.

SKSPS menyediakan faedah tunai kepada pencarum selain rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan vokasional yang meliputi lapan faedah iaitu Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa dan Faedah Orang Tanggungan.

Selain itu, Faedah Pengurusan Mayat, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional dan Faedah Pendidikan.

Syed Abu Hussin berkata, kehadiran pengunjung ke karnival itu disifatkan amat memberangsangkan walaupun dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan mengambil kira pematuhan operasi prosedur standard (SOP) Am Perlaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta.

Katanya yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, LKIM buat julung kalinya ditampilkan ke tengah masyarakat melalui karnival itu dengan hasrat mendekatkan agensi itu dengan penduduk setempat supaya lebih dapat memahami antara satu sama lain dalam bantu meningkatkan taraf hidup masing-masing.

"Seramai 70 peratus daripada penduduk Parlimen Bukit Gantang terdiri daripada nelayan, petani dan peladang dengan 30 peratus daripadanya nelayan. Jadi, matlamat kita adakan karnival ini untuk memperlihatkan peluang disediakan kerajaan yang turut meliputi pengusaha pertanian," katanya.

Selain gerai pameran dan jualan, antara aktiviti menarik dijalankan dalam karnival itu lelongan ikan termenung yang dijual RM10 bagi lima kilogram (kg), lelongan ikan sardin RM14 untuk dua kilogram dan bantuan makanan berupa potongan harga 20 peratus melalui kedai bergerak

## Puas hati SKSPS janjikan lebih manfaat

**Bukit Gantang:** Pelaksanaan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) khusus bagi nelayan yang dilancarkan semalam disambut baik golongan itu.

Nelayan laut, Azmi Omar, 55, berkata, ia kerana skim di bawah kendalian Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) itu menjanjikan lebih manfaat berbanding caruman insuran berkelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang diguna pakai sebelum ini.



AZMI

Katanya, biarpun bayaran caruman SKSPS meningkat 50 peratus berbanding caruman insuran sedia ada namun ia diyakini dapat mempermudahkan urusan tuntutan.

"Berdasarkan pengalaman sendiri, ada kes pampasan susah dibayar syarikat pengendali insuran swasta khususnya membabitkan kemalangan yang tidak mengakibatkan cacat kekal atau kematian khususnya disebabkan amalan birokrasi biarpun pengesahan perubatan sudah diperoleh.

"Kadangkala timbul masalah apabila hendak membuat tuntutan balik, tambahan pula tuntutan kebiasaannya dihantar kepada persatuan nelayan dulu sebelum dihantar ke syarikat pengendali insuran swasta," katanya pada program Mini Karnival Industri Makanan Bukit Gantang di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering di sini, semalam.

Ia turut diakui nelayan, Asaari Mat Saad, 43, sambil menegaskan insuran berkelompok sedia ada tertumpu kepada pampasan khairat kematian akibat kemalangan namun tidak merangkumi kematian berlaku ketika keluar mencari rezeki disebabkan penyakit kronik.

Beliau yang berpendapatan RM1,000 sebulan dan menyara dua anak masih bersekolah sementara isteri tidak bekerja berkata, lapan manfaat dijanji melalui SKSPS membuatkan hatinya lega.

"Menariknya, walaupun SKSPS ini belum diwajibkan kepada semua nelayan namun untuk kebajikan keluarga tersayang jika ditakdirkan saya pergi dahulu buat selama-lamanya, saya rasakan mencarum SKSPS ini adalah pilihan bijak.

"Walaupun berlaku kenaikan bayaran (insuran) sele-

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |



# 42,000 terawal mencarum SKSPS

**Taiping:** Seramai 42,000 nelayan Zon A berdaftar di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjadi golongan terawal mencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Pelaksanaan SKSPS di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) ini menggantikan Caruman Insuran Nelayan Berkelompok LKIM yang dilaksanakan bermula pertengahan Ogos ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah diambil LKIM bertepatan dan positif bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan nelayan berdaftar di bawah LKIM.

Beliau berkata, pemotongan caruman dilaksana secara terus melalui Sistem Program Insentif Nelayan (FIP) secara berperingkat.

"Untuk peringkat awal, potongan bermula 15 Ogos ini membabitkan 3,879 nelayan penerima elaun sara hidup di seluruh Malaysia dengan caruman RM157.20 setahun bagi semua nelayan yang layak menerima elaun sara hidup nelayan.

"Skim ini memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri apabila berlaku bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan ketika bekerja.

"Oleh itu, jika berlaku kematian akibat bencana pekerjaan, nelayan layak menerima pencen bulanan diberi kepada waris mengikut pelan dicarum," katanya ketika merasmikan Mini Karnival Industri Makanan dan Pelancaran Caruman Perkeso Nelayan di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi LKIM merangkap Ahli Parlimen Bukit Gantang Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan Datuk Abdul Yunus Jamahri, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Ahmad Saidi Mohamad Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia Dr Anis Mahmud@Abdul Samad, Ketua Pengarah LKIM Othman Abdul Latiff, Ketua Eksekutif Perkeso Datuk Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Pengerusi Penggerak Mansor Yusof.

SKSPS diwujudkan bagi melindungi individu menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017.

Skim ini melindungi orang berinsuran bekerja sendiri (OBSS) disebabkan suatu kemalangan atau penyakit pekerjaan akibat daripada dan ketika menjalankan aktiviti pekerjaannya sendiri serta termasuk perjalanan atau balik kerja.

Menerusi caruman pelan satu dengan bayaran tahunan RM157.20 ini, balu atau duda pencarum menerima faedah sepanjang hayat iaitu syer faedah 60 peratus bersamaan RM567 dan anak menerima faedah sehingga 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal) iaitu syer faedah 40 peratus bersamaan RM378 manakala anak istimewa menerima faedah seumur hidup atau syer faedah 40 peratus bersamaan RM378.

Bagi pencarum belum berkahwin, ibu atau bapa menerima faedah sepanjang hayat iaitu syer faedah 40 peratus bersamaan RM378 atau adik-beradik menerima faedah sehingga 21 tahun atau berkahwin iaitu syer faedah 40 peratus bersamaan RM378 atau datuk nenek menerima faedah sepanjang hayat iaitu syer faedah 40 peratus bersamaan RM378.



SYED Abu Hussin pada majlis cabutan bertuah motosikal sempena karnival.

khusus bagi yang layak.

Selain itu, cabutan bertuah dengan hadiah perdana motosikal Modenas 110cc, selain kempen mengibarkan Jalur Gemilang bersempena bulan kemerdekaan.

Program turut disempurnakan dengan penyerahan replika cek bernilai RM12.4 juta daripada MAFI kepada Persatuan Nelayan Negeri Perak (Penggerak) yang juga pembayaran ESHN untuk Perak bagi tahun ini.

pas ini namun saya lega dan berpuas hati kerana urusan tuntutan lebih terjamin.

"Saya rasa ia lebih berbaloi kita membayar lebih untuk manfaat lebih di samping hak pampasan yang diperoleh lebih terjamin berbanding membayar murah namun menyusahkan apabila kelak mahu menuntut pampasan itu," katanya.



Seorang lagi nelayan, Mohd Irwan Jaafar, 39, berkata, kenaikan 50 peratus berbanding caruman skim insuran sebelum ini tidak begitu dirasai memandangkan ia dipotong terus daripada Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN).






*"Jika berlaku kematian akibat bencana pekerjaan, nelayan layak menerima pencen bulanan diberi kepada waris mengikut pelan dicarum"*

**Ronald**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Nelayan digalak mencarum SKSPS

Melibatkan seramai 42,000 nelayan yang berdaftar di seluruh Malaysia

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

**BUKIT GANTANG**



Ronald (kiri) melawat reruai Persatuan Nelayan Negeri pada Mini Karnival Industri Makanan dan Pelancaran Caruman Perkeso Nelayan di Dewan Bunga Raya dekat Changkat Jering, Bukit Gantang semalam.

Seramai 42,000 nelayan yang berdaftar di seluruh Malaysia digalakkan supaya mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah terbaharu itu adalah untuk menggantikan Caruman Insurans Nelayan Berkelompok Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bermula pada 15 Ogos ini.

"Pertama kali pekerja sendiri dalam sektor perikanan boleh mencarum mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Nelayan yang mencarum dapat memberi perlindungan dan kebajikan kepada mereka serta keluarga masing-masing.

"Sebelum ini nelayan tiada caruman dan ia adalah langkah proaktif Perkeso untuk nelayan mendapatkan perlindungan sama seperti yang dinikmati sektor lain.

"Skim ini terbuka kepada semua nelayan, namun mereka yang tidak menerima elaun tersebut boleh mencarum sendiri skim ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Mini Karnival Industri Makanan dan Pelancaran Caruman Perkeso Nelayan di Dewan Bunga Raya dekat Changkat Jering di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Husin Hafiz Syed Abdul Fasal dan Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ronald berkata, cadangan caruman adalah sebanyak RM157.20 setahun bagi nelayan yang layak menerima Elaun Sara Hidup Nelayan.

"Pemotongan caruman ini akan dilaksanakan secara terus melalui Sistem Insentif Nelayan (FIP) secara berperingkat dan ia bermula pada 15 Ogos ini melibatkan seramai 3,879 nelayan.

"Saya yakin LKIM sentiasa mengambil langkah proaktif dan positif bagi menjaga kebajikan serta kesejahteraan nelayan.

"Pemilik bot kategori zon tangkapan B, C dan C2 juga perlu memberi kerjasama dengan mendaftar dan mencarum sendiri skim ini dengan Perkeso," kata beliau.

## SKSPS beri perlindungan keseluruhan

**BUKIT GANTANG** - Nelayan yang mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bakal menikmati faedah tunai selain rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, SKSPS memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri seperti bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

"Sebagai permulaan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan membuat caruman SKSPS kepada seramai 3,879 nelayan dengan bayaran caruman setahun sebanyak RM157.20 mengikut pilihan pelan 1 SKSPS.

"Di bawah skim ini, orang tanggungan atau waris layak mendapat Faedah Orang Tanggungan jika pencarum meninggal dunia akibat bencana kerja.

"Pinjaman pendidikan juga disediakan kepada anak-anak pencarum sekiranya pencarum meninggal dunia atau semasa menerima Faedah Hilang Upaya Kekal berkala," katanya.

Terdahulu, Dr Mohammed Azman menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latiff yang disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Majlis berlangsung pada Karnival Mini Industri Makanan dan Pelancaran Caruman Perkeso Nelayan di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering di sini semalam.

Dr Mohammed Azman berkata, menerusi kerjasama itu diharap perlindungan SKSPS dapat diperluaskan kepada sektor-sektor lain di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan seperti pertanian serta penternakan.



Dr Mohammed Azman (kanan) bertukar MoU yang ditandatangani dengan Othman sambil disaksikan Ronald (tengah) di Dewan Bunga Raya dekat Changkat Jering semalam.

## Nelayan sambut baik SKSPS



MANSOR



RAMLI

**BUKIT GANTANG** - Persatuan Nelayan Perak menyambut baik inisiatif Perkeso menyediakan perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang memberi manfaat kepada lebih 15,000 nelayan di Perak.

Pengerusinya, Mansor Yusof berkata, SKSPS dapat memberi perlindungan keseluruhan kepada ahli berbanding insurans kelompok sebelum ini.

"Kita memang mengharapkan Perkeso buka satu skim yang memberi perlindungan kepada nelayan.

"Selepas mendengar penerangan yang disampaikan Perkeso, ia memberi banyak faedah kepada kami dari segi kebajikan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Mini Karnival Industri Makanan dan Pelancaran Caruman Perkeso Nelayan di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya menggalakkan ahli-ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kerian, Matang, Sungai Tinggi, Manjung Utara, Manjung Selatan, Pangkor dan Hilir Perak dapat mencarum skim tersebut.

Sementara itu, nelayan, Ramli Saleh, 53, berkata, tugas mereka terdedah kepada pelbagai risiko ketika di perairan.

"Sebelum ini kami tidak mengetahui sangat skim-skim yang diperkenalkan Perkeso tetapi apabila mendengar penerangan skim SKSPS, banyak manfaatnya.

"Ia dipotong menerusi elaun yang kami terima, jadi sangat eloklah dan tidak mahal. Potong lebih pun tak apa kerana skim ini terlalu banyak kebaikannya untuk kami," kata Ramli.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Korea bagi idea tanam timun baby



AB Halim bersama Sudayang Amalisa menunjukkan hasil tanaman timun baby di kebunnya.

**Rantau Panjang:** Pengalaman bekerja dalam sektor pertanian di Korea Selatan memberi idea kepada pasangan suami isteri untuk mengusahakan tanaman timun *baby* yang kini memberi pendapatan belasan ribu ringgit sebulan.

Ab Halim Abd Rani, 21 dan isteri, Sudayang Amalisa Che Man, 21, mengusahakan tanaman terbabit yang turut dikenali sebagai timun tikus sejak setahun lalu di tanah seluas lebih 0.2 hektar di Kampung Banggol Kekabu, Lubok Stol di sini.

Ab Halim berkata, dia dan isteri sebelum ini menimba pengalaman bekerja sebagai petani serta memetik buah selama enam bulan di Korea Selatan, sebelum kembali ke kampung dan mengambil keputusan untuk berbudi kepada tanah.

"Bak kata pepatah, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Kami lebih selesa bekerja di kampung, namun cara kerja, kerajinan serta ketelitian orang di sana kami jadikan sebagai contoh agar bidang diceburi ini membuahkan hasil.

"Bermodalkan RM10,000 hasil pinjaman daripada adik-beradik, kami mula mengusahakan tanaman cili dan terung sebelum diteruskan lagi dengan menanam timun *baby* memandangkan ia memberi pendapatan lumayan.

"Hanya kami berdua mengusahakan kebun ini bermula daripada menyemai benih sehinggalah proses mengutip sebelum ia dibungkus dan dihantar ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, untuk dijual secara borong," katanya.

Ab Halim berkata, timun *baby* adalah sejenis tanaman seperti timun batang, tetapi dengan saiz lebih kecil dan rangup, sesuai dibuat ulam-ulaman dan acar.

Katanya, timun *baby* dijual pada harga RM5 sekilogram dan harganya lebih murah jika dijual borong iaitu RM7 untuk lima kilogram (kg) bergantung kepada pasaran semasa.

> " Memang agak penat namun kami faham wang tidak datang bergolek
> — Ab Halim Abd Rani

Dia yang juga bapa kepada seorang cahaya mata berusia setahun berkata, setiap hari mereka mengutip pada sebelah pagi dan petang dengan hasil sehingga 200kg timun *baby* sehari sebelum dijual kepada pemborong tiga kali seminggu.

"Kami mula bergerak dari rumah seawal jam 3 pagi setiap kali mahu menghantar hasil tanaman kepada pemborong di RTC.

"Memang agak penat bekerja seperti ini namun kami faham wang tidak datang bergolek melainkan dengan berusaha dan kerja kuat.

"Selain itu, kami perlu memastikan tanaman timun *baby* ini sentiasa mendapat air mencukupi termasuk semburan baja tiga kali sehari selain memerlukan penerimaan cahaya matahari secukupnya agar dapat menghasilkan timun berkualiti," katanya.

Ab Halim berkata, bidang pertanian memberi peluang serta masa depan cerah buat anak muda sepertinya, tetapi memerlukan usaha, kerajinan serta tekad untuk berjaya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/8/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Tanam 'timun baby' raih belasan ribu ringgit

## Pengalaman jadi petani di Korea bantu suami isteri usaha kebun

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

**Rantau Panjang:** Pengalaman bekerja dalam sektor pertanian di Korea memberi idea kepada sepasang suami isteri untuk mengusahakan 'timun baby' yang memberi pendapatan belasan ribu ringgit sebulan.

Pasangan Ab Halim Abd Rani, 21 dan isteri, Sudayang Amalisa Che Man, 21 mengusahakan tanaman itu yang turut dikenali sebagai timun tikus sejak setahun lalu, di tanah seluas lebih 0.2 hektar di Kampung Banggol Kekabu, Lubok Stol, di sini.

Ab Halim berkata, beliau dan isteri sebelum ini menimba pengalaman di Korea dengan bekerja sebagai petani serta memetik buah selama enam bulan sebelum kembali ke kampung dan mengambil keputusan mengusahakan tanaman itu.

"Kami lebih selesa bekerja di kampung namun cara kerja, kerajinan serta ketelitian orang di sana kami jadikan sebagai contoh agar bidang yang kami ceburi ini membuahkan hasil.

"Bermodalkan RM10,000 hasil pinjaman daripada adik-beradik, kami mulakan pertanian dengan mengusahakan tanaman cili dan terung sebelum diteruskan lagi dengan menghasilkan timun baby memandangkan ia memberi pendapatan lumayan.

"Hanya kami berdua yang mengusahakan kebun ini bermula daripada menyemai anak benih sehinggalah proses mengutip sebelum ia dibungkus dan dihantar ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, untuk dijual secara borong," katanya ketika ditemui di kebun miliknya di Kampung Kekabu, di sini, semalam.



*Ab Halim dan Sudayang Amalisa menunjukkan timun Baby di kebun mereka di Kampung Kekabu, Rantau Panjang, semalam.*
(Foto Siti Rohana Idris /BH)



*Timun baby yang sudah sedia dipetik.*

Timun baby sejenis tanaman seperti timun biasa tetapi dengan saiz lebih kecil dan rangup, sesuai dibuat ulam-ulaman dan acar.

Ab Halim berkata, timun baby dijual pada harga RM5 sekilogram (kg) namun harganya lebih murah jika dijual borong iaitu RM7 untuk 5kg bergantung kepada pasaran semasa.

Dia yang juga bapa kepada seorang cahaya mata berusia setahun, berkata setiap hari mereka mengutip pada sebelah pagi dan petang dengan hasil sehingga 200kg timun baby sehari sebelum dijual kepada pemborong tiga kali seminggu.